

## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	24/12/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		



**Air pasang ini bukan**

**paling besar kerana ia tidak berlaku sekali dengan perige (bulan penuh) atau anak bulan, justeru, bersandarkan maklumat yang diterima kita**

**jangkakan kawasan permukaan pantai rendah seperti Mersing mungkin mengalami peningkatan (air pasang) sedikit.**

*Jailan Simon, Ketua Pengarah MetMalaysia*

# Air pasang besar tak 'keruh' situasi banjir Pantai Timur

MetMalaysia

**maklumkan fenomena tidak seteruik kejadian pernah tercetus sebelum ini**

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Fenomena air pasang besar yang dijangka berlaku sekitar empat hari, mulai esok tidak akan memburukkan situasi banjir di negeri Pantai Timur.

Berdasarkan maklumat dan ujian, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Jailan Simon, berkata air pasang besar berikutan kesan tarikan graviti bulan menjangkit penghujung tahun ini tidak seteruik yang pernah tercetus sebelum ini.

Hal itu kerana episod air pasang besar kali ini tidak berlaku seiring fenomena perige, iaitu situasi kedudukan bulan paling

hampir dengan bumi sehingga mempengaruhi perubahan paras air laut.

"Air pasang ini bukan paling besar kerana ia tidak berlaku sekali dengan perige (bulan penuh) atau anak bulan, justeru bersandarkan maklumat yang diterima kita jangkakan kawasan permukaan pantai rendah seperti Mersing mungkin mengalami pening-

katan (air pasang) sedikit."

"Oleh itu, MetMalaysia menolakan kemungkinan air pasang besar ini berupaya mempengaruhi atau 'mengganggu' situasi banjir di Pantai Timur.

"Data menunjukkan ombak jurga tidak kuat untuk tempoh seminggu ini, iaitu hanya dalam kategori satu, bawah 2.5 meter." katanya ketika dihubungi BH, di

sini, semalam.

Mersing dan Kota Tinggi sebelum ini dilaporkan bakal berdepan fenomena air pasang besar yang mencetuskan peningkatan aras laut sehingga mencapai ketinggian 3.5 meter, mulai Rabu ini.

EXCO Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor Jimmy Pua Wee Tse, yang mengumumkan perkara itu, hari ini meminta orang ramai supaya bersedia berdepan banjir sekiranya hujan lebat selama tiga hari, mulai Rabu ini.

Mengulas jangkakan itu, Jailan berkata, MetMalaysia tidak menjangkakan episod hujan lebat di Semenanjung dalam tempoh seminggu akan datang yang berpuapya mencetuskan fenomena 'bah kuning'.

"Hanya hujan untuk tempoh dua hingga tiga jam, berbanding dua hingga tiga hari seperti hujan monsun yang pernah berlaku sebelum ini sehingga mengundang fenomena banjir terburuk.

"Jadi, tiada hujan lebat di Semenanjung sehingga hujung bulan ini, tapi selepas itu (mulai tahun depan) kita belum dapat jangka kerana belum ada data untuk ramalan," katanya.



Keratan akhbar BH semalam.